

**UNTUK SIARAN SEGERA
26 JUN 2023**

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT RAI PEKERJA PEMBERSIHAN DI NEGERI JOHOR SEMPENA HARI PEKERJA PEMBERSIHAN 2023

MUAR, JOHOR, 26 JUN 2023 – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) hari ini telah meraikan Hari Pekerja Pembersihan 2023 bagi menghargai khidmat bakti pekerja dalam sektor pembersihan negara.

Mohd Norlisam Mohd Nordin, Pengurus Besar Korporat SWM Environment berkata, “SWM Environment amat berbangga dengan komitmen 4,475 pekerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan di Johor yang merupakan tulang belakang syarikat untuk memastikan perkhidmatan yang diberi adalah terbaik kepada masyarakat dan negara”.

“Anggota kerja SWM Environment bukan sahaja komited melaksanakan tugas hakiki di lapangan kerja, malah turut bersama-sama membantu masyarakat ketika diperlukan seperti Operasi Pasca Banjir untuk membersihkan rumah-rumah yang terjejas akibat bencana banjir,” kata beliau.

Pengiktirafan turut diberikan melalui penyampaian sijil penghargaan yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Muar kepada SWM Environment di atas perkhidmatan pembersihan di daerah Muar sekaligus membantu mengekalkan Muar sebagai salah satu Bandar Pelancongan Terbersih peringkat ASEAN.

“Kebersihan setempat bukan sahaja terletak pada syarikat konsensi mahupun badan kerajaan sahaja, tetapi komuniti juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kebersihan setempat dipelihara. Saya menyeru warga Johor untuk turut serta mengamalkan kaedah pengurusan sisa di punca yang betul dan mempraktikkan konsep 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dalam kehidupan seharian untuk membantu mengurangkan kadar pembuangan sisa di tapak pelupusan,” tambah beliau.

Turut disampaikan melalui majlis ini ialah sumbangan ihsan kepada 30 orang pekerja telah berkhidmat lebih dari 5 tahun dan mempunyai sakit kronik, atau menanggung ahli keluarga yang mempunyai masalah kesihatan kritikal. Penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Encik Musa Atan, Wakil Exco Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Johor. Turut hadir, Tuan Cairul Hisham Jalaluddin, Pengarah SWCorp Johor, di Dewan Jubli Intan Muar.

-TAMAT-



SWM ENVIRONMENT

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (Separation at Source-SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

SWM ENVIRONMENT HQ:

NORSIDA TASLIM

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : norsida.taslim@swmsb.com

SWM ENVIRONMENT JOHOR:

MUHAMAD BAKHTIAR BIN AZNI

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Utara)

Tel : 07 – 455 6166 / 016 – 4240503

E-mel: bakhtiar.azni@swmsb.com